



Ruj. Kami : JANM.600-3/3/1 Jld. 16 (1)  
Tarikh : 8 Oktober 2024

Ketua Akauntan Kementerian

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

## **KOD PERAKAUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian ini sedang mengemas kini Kod Perakaunan bagi Tahun Kewangan 2025 peringkat Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, Kementerian dikehendaki mengemas kini dan mengesahkan Kod Perakaunan bagi Tahun Kewangan 2025 seperti berikut:

### **2.1 Profil Kod Kementerian/ Jabatan**

- a) Pertukaran Profil Kod Kementerian/Jabatan hanya dibenarkan bagi Program/Aktiviti sahaja.
- b) Perubahan Profil Kod Kementerian/Jabatan di perenggan 2.1(a) hendaklah dikemukakan melalui Borang JAN/MD 009A – Borang Profil Kod Kementerian/Jabatan.
- c) Profil Kod Kementerian/Jabatan hanya boleh dipinda pada awal tahun kewangan sebelum akaun bagi satu-satu tahun kewangan itu bermula.

### **2.2 Kod Program/ Aktiviti (Prog/Akt)**

- a) Semua pewujudan dan pembatalan kod serta pindaan ke atas perihal Prog/Akt hendaklah dikemukakan melalui fail format excel – **Laporan Data Induk Program Aktiviti Kementerian 2025** yang dilampirkan.
- b) Pastikan pilihan bagi status kod 2025 hanya dibuat melalui *drop down list* yang disediakan mengikut kategori sama ada tiada pindaan, pinda perihal atau batal. Kunci masuk adalah tidak dibenarkan.

- c) Bagi setiap kod baharu yang diwujudkan, pastikan maklumat tambahan yang dilampirkan dalam fail format *excel* diisi dengan lengkap. Sila rujuk panduan yang disertakan dalam fail format *excel* berkenaan.

### 2.3 Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos (PTJ/PK)

- a) Semua pewujudan dan pembatalan kod serta pindaan perihal PTJ/PK hendaklah dikemukakan melalui fail format *excel* – **Laporan Data Induk PTJ Kementerian 2025** yang dilampirkan.
- b) Pastikan pilihan bagi status kod tahun 2025 hanya dibuat melalui *drop down list* yang disediakan mengikut kategori sama ada tiada pindaan, pinda perihal atau batal. Kunci masuk adalah tidak dibenarkan.
- c) Kod PTJ/PK baharu hanya boleh diwujudkan bagi fungsi pejabat baharu sahaja. Bagi setiap kod baharu yang diwujudkan, pastikan maklumat tambahan yang dilampirkan dalam fail format *excel* diisi dengan lengkap. Sila rujuk panduan yang disertakan dalam fail format *excel* berkenaan.
- d) Bagi penutupan kod PTJ/PK, tamat tempoh tidak akan dibuat pada 1 Januari 2025 mengambil kira proses Akaun Kena Bayar (AKB) sekiranya ada dan proses penutupan akhir tahun. Penutupan PTJ/PK hanya akan dibuat selepas semakan bahagian ini mendapati **setiap kod akaun dan subsidiari PTJ/PK tersebut telah berbaki kosong** menggunakan kod transaksi *S\_PLO\_86000030: G/L Account Balances* di SAP GUI. Kementerian diminta untuk menggunakan kod transaksi yang sama bagi tujuan semakan tersebut.
- e) Kementerian hendaklah memastikan kelulusan daripada Kementerian Kewangan telah diperolehi bagi penubuhan dan penutupan PTJ selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 6.1.

### 2.4 Jadual Penukaran Kod

- a) Kementerian hendaklah melengkapkan Jadual Penukaran Kod Program/ Aktiviti dan Jadual Penukaran Kod PTJ/PK bagi tahun 2025 melalui fail format *excel* – **Laporan Data Induk Program Aktiviti Kementerian 2025** dan **Laporan Data Induk PTJ Kementerian 2025** yang dilampirkan.
- b) Kementerian bertanggungjawab untuk memastikan maklumat yang dikemukakan adalah tepat dan betul. Sebarang kesilapan kemas kini akan mengakibatkan kegagalan bayaran gaji, bayaran pukal dan pindahan yang melibatkan subsidiari.

3. Untuk makluman, pengemaskinian melalui fail format exce/ bagi Kod Program/ Aktiviti dan Kod PTJ/PK hanya dilaksanakan pada awal tahun sahaja. Sebarang penambahan dan pembatalan kod atau pindaan perihal kod dalam tahun semasa 2025 hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 005A – Borang Kod Program/Aktiviti dan borang JAN/MD 004A – Borang Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos (PTJ/PK). Panduan dan borang boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia di pautan <https://www.anm.gov.my>.

4. Pengesahan kod di perenggan 2.1 sehingga 2.4. hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya pada 4 November 2024** melalui emel kepada [uoap@anm.gov.my](mailto:uoap@anm.gov.my). Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI NASRAN BIN OMAR c.A (M))**

Pengarah

Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi

b.p. Akauntan Negara Malaysia